

SULIT  
1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
September  
2011  
2 jam



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN PERLIS

---

### PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 13.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan. Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 13 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

[Lihat sebelah  
Sisi IT]

**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan*

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

1. Hukum bertaubat bagi orang yang telah melakukan maksiat
  - A Wajib
  - B Sunat
  - C Harus
  - D Makruh
2. Perbuatan membunuh diri diharamkan oleh Islam kerana
  - A Disisih oleh masyarakat
  - B Mencabut hak Allah SWT
  - C Menyiksa tubuh badan
  - D Meruntuhkan ekonomi negara
3. Antara berikut yang manakah contoh perbuatan khurafat?
  - I Menyembah berhala
  - II Menggunakan ilmu pukau
  - III Mengunjungi kubur yang dianggap keramat
  - IV Membuang ancak bagi menghalau hantu
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
4. Antara yang berikut, yang manakah tindakan yang perlu diambil terhadap golongan murtad
  - I Dikenakan hukuman bunuh
  - II Memberi nasihat supaya dia bertaubat
  - III Mengenakan sebatan
  - IV Menjauahkan diri dari mereka yang murtad

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- Cinta kepada Allah dan Rasul melebihi segala-galanya
  - Mengasihi sesama manusia kerana Allah SWT

5. Pemyataan di atas merujuk kepada cara memperoleh

- A Ketinggian iman
- B Martabat iman
- C Kemanisan iman
- D Peringkat iman

6. Hikmah disyariatkan upah haji ialah

- A Melahirkan kesyukuran dengan nikmat harta dan kesihatan
- B Meneguhkan hubungan persaudaraan umat Islam
- C Memberi peluang anak atau keluarga berbakti
- D Meningkatkan keimanan

7. Berikut adalah syarat manfaat dalam rukun sewa **kecuali**

- A Dapat diberikan oleh yang mengambil upah
- B Diketahui kadar dan jangka masa
- C Berharga
- D Dibayar dengan wang

- Tidak sah haji sekiranya tertinggal salah satu daripadanya
  - Wajib diganti pada tahun berikutnya

8. Pemyataan di atas merujuk kepada

- A Rukun Haji
- B Wajib Haji
- C Sunat Haji
- D Makruh Haji

[Lihat sebelah

9. Antara perkara sunat semasa menyembelih binatang adalah

- A Melakukan sembelihan pada malam hari
- B Menyembelih binatang yang kurus
- C Bertakbir dan berselawat
- D Sembelihan dilakukan dengan alat elektrik

10. Perkara berikut adalah syarat berpoligami **kecuali**

- A Berkemampuan dari segi jasmani dan kewangan
- B Tidak melebihi empat isteri dalam satu masa
- C Berkemampuan dari segi jasmani
- D Boleh berlaku adil

- Perempuan yang ditalak tiga
- Perempuan yang bersuami
- Perempuan yang masih dalam idah

11. Pemyataan di atas berkaitan dengan perempuan yang haram dikahwini

- A Selama-lamanya
- B Sementara waktu
- C Secara kontrak
- D Secara batin

12. Sepasang suami isteri telah bercerai dan mempunyai seorang anak berusia tujuh tahun. Siapakah yang lebih layak mendapat hak hadhanah?

- A Ibu
- B Bapa
- C Datuk sebelah ibu
- D Nenek sebelah bapa

- Dipisahkan melalui proses mahkamah
- Suami isteri boleh berkahwin semula dengan akad nikah dan mahar baru

13. Pemyataan di atas merujuk kepada
- A Nusyuz  
B Fasakh  
C Talak  
D Lian
14. Apakah undang-undang Islam yang pernah diamalkan di Tanah Melayu?
- A Undang-undang Keluarga Islam Sabah  
B Undang-undang Tubuh Negeri Perak  
C Mahkamah Rendah Syariah  
D Hukum Kanun Melaka
15. Antara faktor yang mendorong kepada kejatuhan kerajaan bani Abbasiyah ialah:
- I Kelemahan pemerintahan kerajaan Abbasiyah  
II Perpecahan wilayah kerajaan Abbasiyah  
III Penentangan rakyat terhadap pemerintah  
IV Perebutan kuasa pemerintahan
- A I, III dan IV  
B II, III dan IV  
C I, II dan IV  
D I, II dan III
16. Apakah tujuan utama undang-undang tanah negara diperkenalkan pada zaman Khalifah Umar al-Khattab?
- A Memastikan setiap individu memiliki tanah  
B Memastikan tanah tidak dirampas oleh kerajaan  
C Memastikan setiap individu membayar cukai  
D Memastikan tiada tanah individu yang terbiar

[Lihat sebelah

17. Faktor-faktor berikut mempengaruhi kemajuan dalam sektor pertanian pada zaman kerajaan Abbasiyah kecuali:
- A Kerajaan telah melebarkan sungai dan terusan
  - B Kerajaan telah membuka makmal-makmal pertanian
  - C Kerajaan telah membina empangan
  - D Kerajaan telah membuka tanah-tanah pertanian yang baru
18. Antara berikut yang manakah faktor perkembangan ekonomi pada zaman kerajaan Abbasiyah
- I Banyak ladang pertanian seperti suq al-Baqr
  - II Galakan khalifah agar rakyat bermiaga
  - III Kerajaan menyediakan pinjaman kewangan kepada rakyat
  - IV Kedudukan Baghdad yang strategik sebagai laluan perdagangan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
19. Nama sebenarnya ialah Abdullah bin Abi Quhafah. Beliau lahir 2 tahun selepas kelahiran Rasulullah s.a.w yang berketurunan
- A Bani Addy
  - B Bani Tamim
  - C Bani Hashim
  - D Bani Khuza'ah
20. Semasa perlantikan khalifah Uthman bin Affan radillahuanhu, Saidina Umar Al Khattab radillahuanhu telah mencadangkan 6 orang calon termasuklah Saidina Uthman radillahuanhu. Antara calon-calonnya ialah
- I Ali bin Abi Talib
  - II Talhah bin Zubair
  - III Zubir bin al Awwam
  - IV Saad bin Abi Ubada
- A I, II, dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV


**Soalan 21 hingga Soalan 40**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.*

21. Golongan Khawarij berpendapat pelaku dosa besar adalah \_\_\_\_\_.
22. Kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan amaran azab di akhirat dinamakan \_\_\_\_\_.
23. Orang yang derhaka kepada ibu bapa hendaklah segera \_\_\_\_\_ kepada Allah SWT.
24. \_\_\_\_\_ ialah perbuatan mengambil hak orang lain secara sembunyi.
25. Mengikut hukum syarak penzina Muhsan akan menerima hukuman \_\_\_\_\_.
26. Bersukan, mengembara dan mendaki bukit merupakan contoh-contoh rekreasi \_\_\_\_\_.
27. Ciri-ciri tempat rekreasi yang baik ialah memiliki keistimewaan, kemudahan fizikal dan \_\_\_\_\_.
28. Hukum mandi boleh menjadi \_\_\_\_\_ semasa hendak menyucikan diri daripada hadas besar.
29. Ketika menziarahi jenazah, kita hendaklah mengucapkan \_\_\_\_\_ kepada keluarga si mati tidak melebihi 3 hari.

[Lihat sebelah

30. Terdapat sebuah pasar yang dikenali sebagai \_\_\_\_\_ yang menjadi tumpuan para pedagang Parsi semasa pemerintahan Khalifah Abu Jaafar al-Mansur.
31. Diwan \_\_\_\_\_ bertanggungjawab untuk memungut hasil negara dengan lebih baik pada zaman pemerintahan Umaiyyah.
32. Perpustakaan \_\_\_\_\_ telah dibina oleh Khalifah Harun ar-Rasyid pada masa pemerintahan Abbasiyah.
33. Jemaah haji Malaysia yang menaiki kapal terbang terus ke Mekah, diwajibkan berniat ihram di \_\_\_\_\_.



P di atas ialah \_\_\_\_\_.

35. Hukum mengadakan walimatul urus ialah \_\_\_\_\_.

36. "Hasrat kami datang bertujuan untuk menyunting bunga di taman tuan".


Lafaz peminangan di atas ialah lafaz \_\_\_\_\_.

37. \_\_\_\_\_ ialah perceraian yang dilakukan dengan talak satu atau dua dan boleh rujuk dalam tempoh idah.

38. Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti mengerjakan haji adalah pengertian Haji \_\_\_\_\_.

39. Haji Qiran ialah mengerjakan umrah dan haji secara \_\_\_\_\_.

40.



Q dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

[Lihat sebelah

**BAHAGIAN B**

[60 markah]

1. (a) Islam mengharamkan umatnya mengambil arak dan dadah.
    - (i) Nyatakan maksud arak. [2 markah]
    - (ii) Jelaskan dua hikmah diharamkan dadah. [4 markah]
    - (iii) Terangkan dua usaha yang perlu anda lakukan untuk mencegah perbuatan minum arak dan mengambil dadah di kalangan masyarakat. [4 markah]
  - (b) Ajaran Taslim merupakan ajaran sesat yang tertua di Malaysia.
    - (i) Nyatakan dua ciri kesesatan ajaran tersebut. [2 markah]
    - (ii) Jelaskan dua cara untuk membendung ajaran Taslim daripada terus berleluasa. [4 markah]
  - (c) Murtad ialah orang yang berpaling atau keluar dari agama Islam. Nyatakan dua contoh riddah melalui lisan. [4 markah]
- 
2. (a) Firman Allah SWT:

وَإِلَهُ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya: Allah S.W.T mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah kepada sesiapa yang mampu sampai kepadanya.

(Surah Ali- Imran : ayat 97)
  - (i) Senaraikan dua syarat berkemampuan dalam ibadat haji. [2 markah]

- (ii) Nyatakan dua perkara larangan ihram haji khusus kepada jemaah perempuan. [2 markah]
- (iii) Terangkan akibat meninggalkan perkara wajib haji. [2 markah]
- (b) Mahar adalah pemberian suami kepada isteri sempena perkahwinan.
- (i) Nyatakan hukum pemberian mahar. [2 markah]
- (ii) Huraikan dua syarat mahar. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua hikmah disyariatkan mahar dalam Islam. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :
- (i) Zaki telah menyamakan tubuh badan isterinya dengan kakak kandung. [2 markah]
- (ii) Yahya menyewakan peralatan membuat kuih yang telah rosak kepada rakannya. [2 markah]
3. (a) Kerajaan Abbasiyah merosot semasa pemerintahan al-Wasiq billah bin al-Muktasim setelah mencapai zaman kegemilangannya.
- (i) Nyatakan dua faktor kejatuhan pemerintahan kerajaan bani Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Terangkan iktibar dari sejarah kemerosotan kerajaan tersebut. [2 markah]
- (b) Imam al-Ghazali adalah seorang tokoh pemikir Islam yang teragung dan dikenali ramai.
- (i) Namakan karya terkenal Imam al-Ghazali. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua sumbangan yang telah diberikan oleh Imam al-Ghazali. [4 markah]

[Lihat sebelah

- (c) Apabila menziarahi jenazah seseorang itu hendaklah beradab bagi menghormati jenazah.
- (i) Terangkan sikap sesetengah orang yang tidak menjaga adab ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan dua faedah menziarahi jenazah. [4 markah]
4. (a) Kerajaan bani Abbasiyah berkembang maju berbanding dengan kerajaan bani Umayyah.
- (i) Jelaskan **dua faktor** kegembiran kerajaan bani Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Huraikan kesan perpaduan antara kaum kepada masyarakat Islam pada zaman Abbasiyah. [2 markah]
- (b) Syed Jamaluddin al-Afghani merupakan golongan yang mempelopori idea Islah.
- (i) Nyatakan **dua sifat** keperibadian beliau yang boleh dicontohi. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua sumbangan** beliau dalam merealisasikan idea Islah tersebut. [4 markah]
- (c) Islam menggalakkan umatnya berhias diri.
- (i) Nyatakan **dua adab** berhias diri. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua amalan** berhias diri yang dilarang oleh syariat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

13

1223/1

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--

1	A	B	C	D	21	_____
2	A	B	C	D	22	_____
3	A	B	C	D	23	_____
4	A	B	C	D	24	_____
5	A	B	C	D	25	_____
6	A	B	C	D	26	_____
7	A	B	C	D	27	_____
8	A	B	C	D	28	_____
9	A	B	C	D	29	_____
10	A	B	C	D	20	_____
11	A	B	C	D	31	_____
12	A	B	C	D	32	_____
13	A	B	C	D	33	_____
14	A	B	C	D	34	_____
15	A	B	C	D	35	_____
16	A	B	C	D	36	_____
17	A	B	C	D	37	_____
18	A	B	C	D	38	_____
19	A	B	C	D	39	_____
20	A	B	C	D	40	_____

Bahagian	
A	
B	

Kod Pemeriksa
---------------

SULIT  
1223/2  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
September  
2011  
 $1\frac{2}{3}$  jam



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN PERLIS

### PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Satu jam empat puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.
2. Jawab **SEMUA** soalan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ فَيَشْرَحُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ أَنْ يُضْلِلَهُ فَجَعَلَ صَدْرَهُ ضَيْقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْعُدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ سَجَعَ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا

يُؤْمِنُونَ

(سورة الانعام آية 125)

Ayat di atas menjelaskan tanda-tanda perbezaan antara orang yang mendapat hidayah dengan orang yang tidak mendapat hidayah.

- (i) Nyatakan maksud hidayah Allah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua cara untuk mendapat hidayah Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua kesan orang yang memperolehi hidayah Allah SWT di dalam kehidupan sehari-hari mereka [4 markah]

(b) sabda Rasulullah S.A.W:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخْذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ غَابِرٌ سَيِّئٌ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَتَنَظِّرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَتَنَظِّرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحْنَكَ لِمَرْضِكَ وَمِنْ حَيَاةِكَ لِمَوْتِكَ.

رواه البخارى

Hadis tersebut mengibaratkan kehidupan di dunia seperti seorang perantau.

- (i) Nyatakan gambaran hadis di atas tentang kehidupan di dunia. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kesan buruk tabiat suka menangguhkan kerja. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

(c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan A dan B.

Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimah tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A dan B) sahaja.

<p>وَالَّذِينَ هُمْ لَا مُشْتَهِيْمُ (أَنْوَجِهِمْ) (وَعَهْدِهِمْ) رَاعُونَ</p> <p>A              B</p>	(i)
<p>وَالَّذِينَ هُرَى عَلَى (صَلَوةِهِمْ) (صَلَاتِهِمْ) سَخَافَظُونَ</p> <p>A              B</p>	(ii)
<p>أُولَئِكَ (هُنَّ) (هُمْ) الْوَرِثُونَ</p> <p>A              B</p>	(iii)
<p>الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ (فِيهَا) خَلِيلُونَ</p> <p>A              B</p>	(iv)

[4 markah]

2 (a) Firman Allah SWT:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّهُ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ  
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾ فَإِن تَوْلُوا فَقُلْ حَسْبُكُمْ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلُتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ

الْعَظِيمِ

سورة التوبة 128 - 129

Ayat di atas menjelaskan sifat kasih sayang Rasulullah S.A.W terhadap umat Islam.

- (i) Senaraikan dua bukti Baginda bersifat demikian. [2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab Aliah SWT mengutuskan Rasulullah S.A.W kepada manusia. [2 markah]
- (iii) Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبِلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا . وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ . ثُمَّ نَكَرَ الرَّجُلُ يُطِينُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمْدُدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ : يَا رَبُّ يَارَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذَى بِالْحَرَامِ فَإِنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ .

(رواه المسلم)

Hadis tersebut menerangkan tentang kepentingan memakan makanan yang halal lagi baik.

- (i) Nyatakan dua ciri makanan haram. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua akibat jika mengabaikan tuntutan memakan makanan yang halal. [4 markah]
- (iii) Apakah hubungan makanan,minuman dan pakaian dengan ibadat yang kita lakukan. [2 markah]
- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis soalan dan jawapan sahaja.

A	B	C	D	E
الْمُنْكَرُ	أَصَابَكَ	بِالْمَعْرُوفِ	وَأَصْبَرْ	عَزْمٌ

يَتَبَيَّنُ أَقْرِيرُ الْأَصْلَوَةِ وَأَمْرُ (i) وَأَنَّهُ عَنِ (ii)



إِنَّ ذَلِكَ مِنْ (iv) الْأَمْرِ (iii)

[4 markah]

3 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَنْ تُصِيرُهُمْ وَتَحْفَظُوا فِي وَخْفَهٍ ذَلِكَ أَزْكَى هُنَمٌ  
إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ (سورة النور: 30)

Ayat tersebut menerangkan tentang kewajipan memelihara pandangan mata dan menjaga maruah diri.

- (i) Berikan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua sebab Islam menganjurkan umatnya supaya memelihara kehormatan diri. [4 markah]
- (iii) Terangkan pengajaran daripada ayat di atas. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah S.A.W:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَنَاجِشُوا وَلَا تَبَاغِضُوا وَلَا تَذَبِّرُوا وَلَا تَبْنَى بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ بَغْضَوْهُمْ وَكُوئُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْرَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَكْنِيْهُ وَلَا يَخْفِرُهُ، التَّقْوَى هُنُّا وَيُشَيَّرُ إِلَى صَنْرِهِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ بِخَسْبٍ افْرِيْعٍ مِّنَ الشَّرِّ أَنْ يَخْفِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ نَمَهُ وَمَالَهُ وَعِزْضُهُ.

رواه ومسلم

Hadis tersebut menganjurkan amalan persaudaraan dalam kehidupan.

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Senaraikan dua ciri persaudaraan dalam Islam berdasarkan hadis tersebut. [2 markah]
- (iii) Jelaskan dua kesan berpaling muka terhadap masyarakat. [4 markah]
- (c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

	1
لَا شَرِيكَ	
وَأَنَا أَمِيرُ	2
لَهُ وَبِنِيلِكَ	3
أَوْلُ الْمُسْتَمِعِينَ	4

[4 markah]

4. (a) Firman Allah SWT:

وَدِرِ الَّذِينَ أَخْذُوا دِيْنَهُمْ لَعِبًا وَلَهُوَا وَغَرَّهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكْرُ رَبِّهِمْ أَنْ تُتَسَّلَ  
نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِلَّهِ وَلِلَّهِ شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدُنَ كُلُّ عَدْلٍ لَا  
يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أَبْسُلُوا إِيمَانَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيرٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا  
كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿70﴾



(سورة الانعام: 70)

Ayat di atas menjelaskan perkara-perkara yang dianggap mempersendakan agama.

- (i) Nyatakan maksud mempersendakan agama. [2 markah]
- (ii) Senaraikan empat contoh perbuatan yang dianggap mempersendakan agama. [4 markah]
- (iii) Jelaskan dua faktor yang menyebabkan seseorang itu mudah terpengaruh dengan kehidupan dunia. [4 markah]

- (b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan A dan B. Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.

Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A dan B) sahaja.

No.	Potongan ayat Al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	 (Surah al-Baqarah: 11)	Mad Arid Lissukun	Mad Jaiz Munfasil
(ii)	 (Surah al-Baqarah: 11)	Iqlab	Ikhfak
(iii)	 (Surah al-Baqarah: 148)	Wakaf Jaiz	Wakaf Lazim
(iv)	 (Surah al-Baqarah: 48)	Qalqalah Kubra	Qalqalah Sughra

(c ) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Islam menggariskan hukuman setimpal dengan perbuatan penjenayah. Di samping itu, undang-undang Islam bersifat pencegahan. Mencegah jenayah lebih baik daripada memperbaiki masyarakat yang rosak.

[ 6 markah]

5. (a) Firman Allah SWT

Firman Allah S.W.T:

قُلْ إِنَّمَا هَدَنِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قَيَّمًا مِّلَّةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦٢﴾ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

سورة الانعام 162-161

Al-Quran menjelaskan bahawa setiap pekerjaan, ibadat dan kehidupan hanyalah untuk Allah SWT.

- i. Nyatakan dua tugas muslim di atas muka bumi ini.

[4 markah]

- ii. Terangkan tiga sebab umat Islam dipertanggungjawabkan di atas setiap perbuatan mereka.

[6 markah]

(b) Firman Allah SWT:

أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَّهُمْ دَرَجَتُ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةً وَرِزْقًا كَرِيمًا ﴿٤﴾

سورة الانفال: 4

Tulis tiga potongan kalimah daripada potongan ayat al-Quran di atas yang mengandungi hukum nun mati (ن) atau tanwin serta nyatakan cara bacaannya.

[6 markah]

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan rumi.

(i)	بر ذیکر ایاله مغیثتی اللہ دععن هاتی، لیسن، دان فربواتن
(ii)	کولو عن مشرك دان منافق ساعت بنجی ترهادف احرن اسلام
(iii)	جیوا سنتیاس تیدق تنزام دان موده دکودا اولیه شیطان
(iv)	چابرن ساعین س دان تیکنولوگی دالم دنیا کلوبالیساسي کفڈ فلاجر

[4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SKIMA PEMARKAHAN KERTAS 1 (1223/1)

Bahagian A

No	Jawapan			
1	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
2	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
3	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
4	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
5	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
6	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
7	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
8	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
9	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
10	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
11	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
12	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
13	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
14	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
15	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input checked="" type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
16	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
17	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
18	<input type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input checked="" type="checkbox"/> D
19	<input type="checkbox"/> A	<input checked="" type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D
20	<input checked="" type="checkbox"/> A	<input type="checkbox"/> B	<input type="checkbox"/> C	<input type="checkbox"/> D

No	Jawapan
21	kafir
22	dosa besar
23	bertaujuhat
24	Mencuri
25	rejam sampai mati
26	aktif
27	keselamatan
28	wajib
29	takziah
30	Suq Baghdad
31	Al-Muktasid Billah
32	Baitul Hikmah
33	Qarnul Manazil
34	halqum
35	sunat
36	kinayah
37	Talak rajie
38	Tamattuk
39	serentak
40	Nyawa

Bahagian B

Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Maksud Arak : Sejenis minuman yang memabukkan yang dapat menghilangkan kewarasan akal fikiran	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua hikmah diharamkan dadah: <ul style="list-style-type: none"><li>- Memelihara kewarasan akal fikiran</li><li>- Menjamin kesihatan fizikal dan mental</li><li>- Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan</li><li>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Dua usaha yang perlu dilakukan: <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengadakan kempen dan penerangan</li><li>- Memberi didikan agama yang secukupnya</li><li>- Mengelak pergaulan dengan penagih dadah</li><li>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	Dua ciri kesesatan ajaran Taslim: <ul style="list-style-type: none"><li>- Menolak kewujudan hari kiamat, syurga dan neraka</li><li>- Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li</li><li>- Menganggap Haji Muhammad Matahari sebagai pemimpin yang maksum</li><li>- Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin</li><li>- Mentaafsir ayat al-Quran mengikut hawa nafsu</li><li>- Beriktikad bahawa alam bersifat Qadim</li><li>- Beriktikad bahawa diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia ialah nur Muhammad</li></ul>	2 isi x 1m = 2m

		(ii)	<p>Dua cara untuk membendung ajaran Taslim :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar</li><li>- Meneberi kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang</li><li>- Mengadakan program pemulihan akidah</li><li>- Menyebarluaskan ajaran Islam .</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
		(c)	<p>Dua contoh riddah melalui lisan :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengisyihar diri keluar daripada Islam</li><li>- Menyatakan Islam agama yang menyusahkan penganutnya</li><li>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
2	(a)	(i)	<p>Dua syarat berkemampuan mengerjakan haji</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mampu menyediakan tambang dan segala perbelanjaan bagi mengerjakan ibadat haji</li><li>- Mempunyai nafkah yang mencukupi untuk tanggungan yang ditinggalkan</li><li>- Mempunyai kenderaan pergi dan balik</li><li>- Aman dalam perjalanan</li><li>- Ada kesempatan masa</li><li>- Bagi wanita hendaklah bersama mahram atau dua orang perempuan yang boleh dipercayai</li><li>Jika isteri, perlu mendapat keizinan suami.</li></ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua perkara larangan ihram haji khusus kepada jemaah perempuan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- menutup rruka</li><li>- memakai sarung tangan</li></ul>	2 isi x 1m = 2m

		(iii)	Kepentingan perkara wajib haji dalam ibadat haji: - Hajinya sah/ tetapi wajib bayar dam Isi : 1m Huraian : 1m	2 isi x 1m = 2m
	(b)	(i)	Hukum pemberian mahar - Wajib	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	Dua syarat mahar : - Barang yang bermanfaat (1m) seperti al-Quran (1m) - Barang yang bernilai(1m) seperti wang, emas, perak (1m)	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	Dua hikmah disyariatkan mahar dalam Islam - Melahirkan keikhlasan suami dan isteri - Sebagai tanda kesanggupan suami untuk membina rumah tangga - Sebagai persiapan pertama bagi suami untuk memikul tanggungjawab - Menggembirakan hati isteri yang sanggup meninggalkan keluarga untuk memulakan hidup baru bersama suami - Memulia dan mengiktiraf kedudukan kaum wanita	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	Zaki menyamakan tubuh badan isteri dengan kakaknya sendiri: Hukum: Haram Alasan:Kakaknya adalah mahramnya.	Hukum 1m Alasan 1m = 2m

		(ii)	<p>Yahya menyewakan peralatan membuat kuih yang telah rosak kepada rakannya:</p> <p>Hukum: Tidak sah Alasan: Syarat sah sewa peralatan hendaklah sempurna</p>	<p>Hukum 1m Alasan 1m <math>= 2m</math></p> <p>Catatan : Jika hukum betul, alasan salah = 1m, jika hukum salah, alasan betul = 0 m</p>
(3)	(a)	(i)	<p>Dua faktor kejatuhan pemerintahan Abbasiyah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kelemahan pemerintah Abbasiyah</li><li>- Perpecahan wilayah</li><li>- Perebutan kuasa</li><li>- Perselisihan aliran fahaman keagamaan</li></ul>	<p>2 isi x 2m <math>= 4m</math></p>
		(ii)	<p>Iktibar dari sejarah kemerosotan kerajaan tersebut ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Umat Islam perlu bersatu padu(1m) demi memantapkan kerajaan(1m)</li><li>- Umat Islam perlu menghayati konsep Islam(1m) dengan sepenuhnya dalam kehidupan(1m).</li><li>- Umat Islam perlu bekerjasama mempertahankan negara(1m) daripada ancaman musuh sama ada dalam dan luar.(1m)</li></ul>	<p>1 isi x 2m <math>= 2m</math></p> <p>Catatan : 1 isi = 1m Huraian = 1m</p>
	(b)	(i)	Karya terkenal Imam al-Ghazali: Ihya Ulumuddin	<p>1 isi x 2m <math>= 2m</math></p>

		(ii)	<p>Dua sumbangan yang telah diberikan oleh Imam al-Ghazali :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Sebagai penasihat agung Perdana Menteri Nizam al-Mulk</li><li>- Menjadi tenaga pengajar kanan Universiti Nizamiah Baghdad dan Naisabur</li><li>- Mendokong fahaman al-Asya'irah/mazhab ahli Sunnah waljamaah</li><li>- Menolak fahaman ahli falsafah yang meresap dalam ilmu kalam</li><li>- menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	<p>Sikap sesetengah orang yang tidak menjaga adab ketika menziarahi jenazah :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- merasa kesal terhadap kematian seperti meratap atau meraung</li><li>- membebankan keluarga jenazah dengan permintaan yang mereka tidak mampu</li><li>- membuat perkara yang menyinggung perasaan keluarga jenazah seperti mengumpat jenazah atau bergurau senda.</li><li>- tidak redha dengan takdir Allah</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
		(ii)	<p>Dua faedah menziarahi jenazah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- dapat mengeratkan silaturrahim dengan keluarga jenazah</li><li>- mengurangkan tekanan emosi keluarga jenazah yang kehilangan ahlinya</li><li>- memberi keinsafan bahawa kematian adalah sebahagian daripada qadak Allah yang perlu diterima oleh semua makhluknya</li><li>- dapat menunaikan hak sebagai seorang muslim ke atas muslim yang lain</li></ul>	2 isi x 2m = 4m

4	(a)	(i)	<p><b>Dua faktor kegembilan kerajaan Abbasiyah ialah :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kestabilan politik</li><li>- Dasar politik Kerajaan / pemerintah Abbasiyah</li><li>- Kedudukan Baghdad yang strategik</li><li>- Perpaduan antara kaum</li><li>- Penghayatan konsep kerja sebagai ibadat</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
		(ii)	<p>Kesan perpaduan antara kaum kepada masyarakat Islam pada zaman Abbasiyah ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Rakyat yang berbilang bangsa seperti Arab, Parsi dan Turki dapat hidup bersatu-padu</li><li>- Kerajaan memberi layanan yang adil kepada rakyat yang berbilang bangsa</li><li>- Rakyat yang berbilang bangsa diberi peluang menjawat jawatan dalam kerajaan</li><li>- Rakyat diberi kebebasan beragama</li></ul>	1 isi x 2m = 2m
	(b)	(i)	<p><b>Dua sifat keperibadian Syed Jamaluddin al-Afghani :</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- berani</li><li>- tekuin</li><li>- suka merantau</li><li>- petah berpidato</li></ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p><b>Dua sumbangan beliau:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- membina perpaduan (1m) tanpa mengira bangsa (1m)</li><li>- menyeru umat Islam (1m) supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar(1m)</li><li>- menyedarkan umat Islam (1m) tentang keburukan fanatik mazhab(1m)</li><li>- berusaha memerdekakan tanah air dan pemikiran(1m) daripada</li></ul>	2 isi x 2m = 4m  Catatan : 1 isi = 1m Huraian = 1m

			<ul style="list-style-type: none"><li>- penjajah(1m)</li><li>- mengkritik taklid buta(1m) tanpa merujuk sumber yang sahih/benar/betul</li></ul>	
	(c)	(i)	<p>Dua adab berhias diri</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- menggalakkan amalan mandi</li><li>- bersugi atau menggosok gigi</li><li>- memakai bau-bauan</li><li>- menyikat rambut</li><li>- memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan bulu ari-ari</li><li>- menghias muka</li><li>- menjaga cara berpakaian</li></ul>	2 isi x 2m = 4m
		(ii)	<p>Dua amalan berhias diri yang dilarang syariat :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- memakai emas, sutera tulen bagi lelaki</li><li>- berpakaian yang berlawanan jantina</li><li>- menyambung rambut</li><li>- membuat tatu</li><li>- pembedahan anggota badan untuk kecantikan</li></ul>	2 isi x 2m = 4m

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**SULIT**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA ( MPSM )  
CAWANGAN PERLIS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA 1223/2 (PP)  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**PENDIDIKAN ISLAM**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

**OGOS**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah ]

**1223/2**

**SULIT**

NO. SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1	(a)	i	<p><b><u>Maksud hidayah Allah</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Hidayah Allah SWT menerangi hati orang yang beriman seperti cahaya yang menerangi alam/ petunjuk Allah sebagai cahaya iman .</li></ul>	2 markah
		ii	<p><b><u>Dua cara untuk mendapat hidayah Allah SWT</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Sentiasa berdoa untuk mohon hidayah kepada Allah</li><li>-Patuh dan taat pada perintah Allah serta menjauhi larangannya.</li><li>-Melakukan amal kebajikan</li><li>-Hendaklah berjihad melawan hawa nafsu</li><li>-Melakukan suatu pekerjaan dengan hati yang ikhlas</li><li>-Mengamalkan akhlak mulia/mahmudah dan jauhi akhlak mazmumah</li><li>-Melakukan amalan zikir</li><li>-Memelihara anggota badan daripada melakukan perkara larangan Allah.</li></ul>	( 2 isi x 2 m =( 4m) )
		iii.	<p><b><u>Dua kesan orang yang memperolehi hidayah Allah SWT di dalam kehidupan sehari-hari mereka.</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Jiwa tenang / tenteram</li><li>-Berubah daripada tidak beriman kepada beriman/akhlak baik kepada tidak baik.</li><li>-Mengubah sikap seseorang daripada ingkar kepada taat terhadap perintah Allah</li><li>-Amal ibadat yang dilakukan semakin meningkat dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh.</li><li>-Sentiasa berusaha menimba ilmu agama dan memperbaiki peribadi</li><li>-Mereka sentiasa melakukan perkara yang baik dan mengajak orang lain supaya berbuat baik di samping</li></ul>	( 2 isi x 2 m=(4m) )

			<p>membanteras kemungkaran.</p> <p>-Sentiasa menunaikan perintah Allah dan membuat amal kebajikan</p>	
	(b)	i	<p><b><u>Gambaran hadis di atas tentang kehidupan di dunia.</u></b></p> <p>-Manusia hidup di dunia seperti seorang perantau yang hanya singgah sementara di satu destinasi sebelum ke destinasi seterusnya.</p> <p>-Dunia tempat manusia mencari bekalan / melakukan ibadah untuk dibawa ke akhirat.</p> <p>-Semua yang bernyawa pasti akan mati dan akan menuju alam akhirat yang kekal abadi.</p>	2 markah
		ii	<p><b><u>Dua kesan buruk tabiat suka menangguhkan kerja</u></b></p> <p>-Kerja tidak berkualiti</p> <p>-kerja semakin bertambah</p> <p>-Jiwa tidak tenteram</p> <p>-Tidak disukai oleh orang lain</p>	2 markah
		iii.	<p><b><u>Dua pengajaran daripada hadis di atas.</u></b></p> <p>-Manusia hendaklah menggunakan tempoh kehidupan di dunia sebaik mungkin</p> <p>-Kita hendaklah melakukan amal ibadah semasa hidup sebagai bekalan untuk akhirat.</p> <p>-Umat Islam dilarang menangguhkan urusan di dunia supaya kerja tidak bertambah / tidak menjadi beban kemudian hari.</p>	( 2 isi x 2 m)=(4 m)
	(c)		A,B,A,A	( 4 isi x 1m) -(4 m)
2	(a)	i	<p><b><u>Dua bukti sifat kasih sayang Rasulullah SAW terhadap umatnya.</u></b></p> <p>-Baginda sangat mengambil berat tentang kebajikan umatnya.</p> <p>-Baginda sangat belas kasihan kepada orang mukmin</p>	( 2 isi x 1 m)=(2m)

		<ul style="list-style-type: none"><li>-baginda sangat berharap umatnya mendapat hidayah Allah.</li></ul>	
	ii	<p><b><u>Sebab Allah SWT mengutuskan Rasulullah S.A.W</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Menyampaikan ajaran Islam</li><li>-memberi peringatan kepada manusia</li><li>-Memimpin manusia kepada jalan yang benar</li><li>-membetulkan akidah manusia</li><li>-Menerapkan sifat-sifat mulia ke dalam jiwa manusia</li><li>-Menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahanan.</li></ul>	(1 isi x 2 m) = (2m)
	iii	<p><b><u>Dua pengajaran daripada ayat di atas</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Kita hendaklah memperbanyak selawat kepada nabi sebagai tanda kasih dan sayang kita terhadap Baginda.</li><li>-Orang Islam hendaklah menghayati konsep tawakkal dalam mengejar cita-cita mereka di dunia dan akhirat</li><li>-Kita hendaklah menghayati amalan sunnah dalam kehidupan untuk menjadi mukmin sejati.</li></ul>	(2 isi x 2 m) = (4m)
(b)	i	<p><b><u>Dua ciri makanan yang haram</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-makanan yang tidak diproses atau disembelih mengikut syarak</li><li>-makanan yang memudaratkan / beracun</li><li>-diperolehi dari sumber yang haram</li><li>-makanan yang tidak bersih/ tercemar</li><li>-makanan yang bercampur dengan bahan yang haram</li><li>-makanan yang diusahakan oleh orang bukan Islam</li><li>-Terdapat dalil yang mengharamkannya</li><li>-makanan yang diperbuat daripada bahan yang haram</li><li>-ada tanda/logo halal /logo JAKIM</li></ul>	(2 isi x 1 m) = (2m)
	ii	<p><b><u>Dua akibat jika mengabaikan tuntutan memakan</u></b></p>	(2 isi x 2 m) = (4m)

			<p><u>makanan yang halal</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Ibadah tidak diterima</li><li>-Doa tidak makbul</li><li>-susah menerima ilmu pengetahuan</li><li>-Tidak diberkati/ dirahmati/ dimurka Allah</li><li>-Di azab Allah/ Masuk neraka</li><li>-Jiwa tidak tenang / hati tidak bersih</li><li>-Mudah dijangkiti penyakit / Menjejaskan kesihatan badan.</li><li>- Mengganggu kewarasan akal</li><li>-Kehidupan tidak terjamin</li><li>- mendapat dosa</li></ul>	
		iii	<p><u>Hubungan makanan,minuman dan pakaian dengan ibadat</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Makanan dan minuman serta pakaian yang haram menyebabkan doa ditolak / ibadah tidak diterima Allah,</li><li>- Ibadah tidak khusyuk</li></ul>	( 1 isi x 2 m ) =(2m)
	( c )		<ul style="list-style-type: none"><li>i) C</li><li>ii) A</li><li>iii) B</li><li>iv) E</li></ul>	( 4 isi x 1 m ) =(4m)
3	(a)	i	<p><u>Dua sebab Islam mengajurkan umatnya supaya</u></p>	

		<p><b><u>memelihara kehormatan diri</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Supaya terhindar dari fitnah</li><li>-Tidak dipandang serong oleh orang lain</li><li>-Maruah diri terpelihara/ tidak tercemar</li><li>-mendapat keredhaan Allah / Dapat pahala</li><li>-Membendung gejala sosial</li><li>-Mana-mana jawapan munasabah diterima</li></ul>	( 2 isi x 2 m)=(4m)
	ii	<p>Maksud kalimah yang bergaris</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i.Pandangan mereka <i>أَنْصَرُهُمْ</i></li><li>ii.Kemaluan mereka <i>فَرِحَتْهُمْ</i></li></ul>	( 2 isi x 1 m)=(2m)
	iii	<p><b><u>Pengajaran daripada ayat di atas.</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Kita wajiblah mengelak diri daripada melihat perkara yang diharamkan oleh Allah SWT agar hidup diberkati – Nya.</li><li>-Kita hendaklah menjaga kemaluan daripada perkara yang diharamkan oleh Allah seperti zina, liwat dan lain-lain.</li><li>-Umat Islam hendaklah mengelak daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan fitnah seperti berhias secara berlebihan</li><li>-Kaum wanita hendaklah berpakaian menutup aurat</li></ul>	( 1 isi x 2 m)=(2m)

			seperti tidak berpakaian ketat dan nipis yang menampakkan susuk badan.	
	(b)	i	Maksud kalimah yang bergaris  -Jangan benci-membenci <u>وَلَا تَنْجِشُوا</u>  -Jangan menzalimi <u>لَا يُظْلَمُوا</u>	( 1 isi x 2 m)=(2m)
		ii	<u>Ciri-ciri persaudaraan dalam Islam berdasarkan hadis</u>  -Tidak berhasad dengki  -Tidak benci-membenci  -Tidak menipu  -Tidak menceroboh harta orang lain  -Tidak berjual beli di atas jualan orang lain  -Tidak menumpahkan darah/ menceroboh nyawa / bunuh  -Tidak berpaling muka / tidak berlaku sombong  -Tidak menzalimi orang lain	( 2 isi x 1 m= (2 m )
		iii	<u>Dua kesan berpaling muka terhadap masyarakat</u>  -Berlaku perselisihan dalam masyarakat / permusuhan / pergaduhan  -Kurang semangat kerjasama / tolong mendlong dalam kalangan masyarakat.  -Tidak wujud sifat prihatin dalam masyarakat	( 2 isi x 2 m)=(4m)

			<ul style="list-style-type: none"><li>-Kehidupan tidak harmoni /tidak aman.</li></ul>	
	( c )		1,3,2,4	( 4 isi x1 m)=(4 m)
4	( a )	i	<p><u>Maksud mempersendakan agama</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Mempermainkan / memperolokkan ajaran Islam meliputi semua tindakan sama ada melalui lisan atau perbuatan yang merendahkan martabat agama</li></ul>	( 1 isi x 2 m)=(2 m)
		ii	<p><u>Empat contoh perbuatan yang dianggap mempersendakan agama.</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Menyanjung maksiat /larangan Allah /redha dengan maksiat</li><li>-Bangga apabila melanggar perintah Allah</li><li>-Memperkecilkan tuntutan agama / syariat Islam</li><li>-Menghina orang soleh / ulama' /orang bertakwa</li><li>-Memperlekehkan solat fardhu 5 waktu</li><li>-Merendahkan syiar Islam</li></ul>	( 4 isi x 1 m)=(4 m)
		iii	<p><u>Dua faktor yang menyebabkan seseorang itu mudah terpengaruh dengan kehidupan dunia.</u></p> <ul style="list-style-type: none"><li>-Kurang didikan agama/ lemah iman /pegangan agama</li><li>-Tamatkan kedudukan, harta,kekayaan dan pangkat</li><li>-Terpengaruh dengan budaya barat</li><li>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</li></ul>	( 2 isi x 2 m)=(4 m)

	( b )	i. A-mad Arid Lisukun ii. B- Ikhfa' iii. A- wakaf jaiz iv. B-Qalqalah sughra	( 4 isi x 1 m)=(4 m )
	( C )	إسلام مغکاریسکن حکومن ستیمقل دغۇن ۋېرىۋاتنى قىچنایە. دىمەقىغ ايت، اوندۇغ-اوندۇغ إسلام بىررصەة قىچكەن. منجىكە جنایە لبىه باعىق درىد مۇقر باعىقىي مىشاركىت يېڭى روپىق.	( 6 markah )

Catatan: Pengiraan markah adalah seperti berikut:

-Kira perkataan yang betul

-Tidak jawab : 0 markah

-1-3 : 1 markah

-4-6 : 2 markah

-7-9 : 3 markah

-10-12 : 4 markah

-13-15 : 5 markah

-16-22 : 6 markah

5	( a )	i	<p><u>Dua tugas seorang muslim di atas muka bumi.</u></p> <p>-hendaklah beriman kepada Allah SWT dan bertawakkal kepada Allah .</p> <p>-Hendaklah melakukan segala yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan larangannya.</p> <p>-Hendaklah melakukan ibadah dengan ikhlas</p> <p>-Hendaklah mempertingkatkan usaha untuk mendapat hidayah Allah SWT</p> <p>-Hendaklah memakmurkan muka bumi ini dengan bersifat ihsan dan saling bantu-membantu.</p> <p>-Sentiasa berwaspada terhadap tingkah laku dengan melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara keji</p>	( 2 isi x 2 m)=(4 m)
		ii	<p><u>Tiga sebab umat Islam dipertanggungjawabkan di atas setiap perbuatan mereka.</u></p> <p>-Kerana mereka telah diberikan akal untuk membezakan antara yang baik dan buruk</p> <p>-Kerana mereka telah diberi AlQuran untuk membimbing ke arah kebenaran.</p> <p>-Kerana manusia diutuskan para Rasul yang boleh membimbing kearah kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.</p> <p>-Kerana manusia diberi tenaga dan usaha untuk memajukan diri mereka.</p>	( 3 isi x 2 m)=(6m)

		iii	Tiga potongan kalimah daripada potongan ayat al-Quran di atas yang mengandungi hukum nun mati ( ُ ) dan tanwin serta cara bacaannya.	( 3 isi x 2 m)=(6 m)
	( c )		<p>Rumikan.</p> <p>i. Berzikir ialah mengingati Allah dengan hati, lisan dan perbuatan</p> <p>ii. Golongan musyrik dan munafik sangat benci terhadap ajaran Islam</p> <p>iii. Jiwa sentiasa tidak tenteram dan mudah digoda oleh syaitan.</p> <p>iv. Cabaran sains dan teknologi dalam dunia globalisasi kepada pelajar,</p>	( 4 markah )

**SKEMA TAMAT**